

LAPORAN PEMERHATIAN

Pihak Tindak Malaysia, salah satu badan bukan kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembaharuan sistem pilihan raya, baru - baru ini mengambil bahagian dalam proses pemerhatian pilihan raya kecil Rantau. Ini merupakan kali ketiga dalam sejarah Tindak Malaysia, sejak penubuhannya pada tahun 2008, pihak kami telah diundang oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memantau dan memerhati proses pilihan raya dari penamaan calon sehingga proses pengiraan undi. Berikut adalah maklumat - maklumat ringkas mengenai proses pemerhatian dari pihak Tindak Malaysia

PASUKAN

1. Pihak Tindak Malaysia telah menghantar 7 orang Pemerhati. Kebanyakan daripada kalangan pemerhati yang mempunyai pengalaman dalam bidang Ejen Mengundi dan Ejen Mengira (PACA).
2. Kawasan pengundian dipantau : Taman Kelab Tuanku, Kampong Mambau, Kampong Sri Lalang, Pekan Sagga, Rantau, Linsum dan Angsa Emas
3. Kita bekerjasama dengan pihak Bersih dan Engage dalam segi definisi pencabulan undang - undang.

CIRI PEMERHATIAN 1: DAFTAR PEMILIH/ PUSAT MENGUNDI/ BENTUK DAERAH MENGUNDI

PEMERHATIAN POSITIF

1. SPR menyatakan kesemua senarai pengundi OKU dalam daftar pemilih. Kesemua pengundi OKU telah dimasukkan dalam Saluran 1
2. SPR dan pihak Pegawai Pengurus telah mendapat lokasi pengundian yang sesuai untuk pengundi Kampong Sendayan

PEMERHATIAN NEGATIF

1. Mengikut kajian dalam Tindak Malaysia, pihak kami telah mendapati kelonjakan bilangan pengundi didaftar dan pindah masuk ke Rantau sewaktu Suku 2 2018. Kesemua daerah mengundi mengalami peningkatan bilangan pengundi yang mendadak. Salah satu sebab mungkin SPR telah memproses pengundi pengundi yang mahu mengundi untuk PRU14 tetapi terlepas peluang. Sebab lain perlu dikaji oleh pihak SPR.
2. Lokasi pusat pengundian untuk Sendayan yang ditetapkan oleh pihak SPR and pihak Pegawai Pengurus adalah lebih jauh daripada pusat pengundian untuk PRU14. Pusat pengundian baru Sendayan terletak di daerah mengundi lain dan hampir 2200 - 2300 pengundi telah terjejas dari segi kesenangan untuk mengundi. Lebih-lebih lagi, isu pusat

pengundian baru telah dipolitikan oleh pihak BN, mungkin pusat pengundian lebih jauh dari kubu mereka di Felda Sendayan

3. Daftar Pemilih SPR yang diguna pakai untuk PRK mempunyai legasi masalah kedudukan lokaliti. Seramai 1 - 2% jumlah pengundi mungkin terletak di daerah mengundi yang salah dan ini menyebabkan pengundi mengundi di tempat lain. Adakalanya kesalahan lokaliti memudahkan pengundi dan adakalanya kesalahan lokaliti memaksa pengundi ambil masa lebih untuk pergi ke tempat mengundi. Contohnya:
 - a. Taman Marlin Heights. Lokasi sebenar terletak di Daerah Mengundi Angsa Emas, kawasan pengundian terdekat terletak di Kampong Mambau tetapi terpaksa mengundi di Taman Kelab Tuanku (beberapa kilometer dari Taman tersebut) - 29 pengundi terjejas
 - b. Taman Cempaka. Lokasi terletak di Daerah Mengundi Linsum dan pusat pengundian terdekat adalah di hadapan mereka. Malangnya, mereka terpaksa mengundi di tempat mengundi untuk Rantau (lebih jauh)
4. Kesalahan lokaliti menjadi satu isu serius apabila pengundi pengundi yang bermaustatin di Rantau (dari segi geografi) tidak layak untuk mengundi. Contohnya, Ladang Kombok terletak di hujung DM Kuala Sawah. Akan tetapi, lokaliti mereka tidak ditemui dalam DM Kuala Sawah. Masalah ini menjadi teruk apabila lokaliti di luar DUN telah dimasukkan dalam satu daerah mengundi yang jauh. Taman Sri Permata terletak bersebelahan DM Kuala Sawah dan dari segi geografi dan pensem padanan, terletak di DUN lain. Malangnya, lokaliti tersebut telah dimasukkan dalam daerah mengundi Rantau dan memaksa pengundi untuk mengundi di tempat mengundi yang terletak 6 - 7 kilometer dari lokaliti itu
5. Pengundi diragui ditemui di 74, Taman Rantau. Pergerakan pengundi India (dari parlimen lain di Negeri Sembilan) yang tidak mempunyai hubungan keluarga ke rumah pengundi Cina merupakan satu amaran kepada SPR untuk membuat siasatan lapangan. Beberapa kes di Taman Rantau dan kawasan perkampungan menunjukkan rumah berlambak dengan pengundi. Contoh contoh tertentu telah dilaporkan kepada pihak SPR bagi tindakan lanjutan
6. Jarak di antara Pusat pengundian SKJC Chung Hua Rantau dan SJKT Rantau terlalu hampir. Ianya menyebabkan kesesakan di lalulintas dan menyukarkan akses pengundi ke SJKT Rantau

CIRI PEMERHATIAN 2: HARI PENAMAAN CALON/ SEMAKAN ISI PETI UNDI AWAL/ SEMAKAN ISI PETI UNDI BIASA/ HARI PENGUNDIAN AWAL/PENGELUARAN UNDI POS

PEMERHATIAN POSITIF

1. Proses pengundian awal dan semakan isi peti undi awal telah berlangsung secara lancar

2. Proses semakan isi peti undi biasa berlangsung dengan lancar. Semakan dibuat oleh penyelia SPR telah dilaksanakan secara teratur

PEMERHATIAN NEGATIF

1. Lokasi penamaan calon bukan sesuai. Pihak kami menemui kekurangan bilangan lot untuk tempat letak kereta. Kebanyakan kereta diletak di sisi jalan raya utama
2. Proses pelantikan KTM, pengumuman untuk latihan bagi KTM dan peraturan peraturan KTM yang mengejut sewaktu semakan isi peti undi biasa telah memberi banyak masalah kepada calon - calon KTM dari Tindak Malaysia.
3. Pihak media telah menghalang satu jalan untuk pengundi OKU (undi awal) dan pihak SPR tidak merancang awal untuk mengatasi isu kelebihan wakil pihak media untuk pengundian awal
4. Pondok panas ditemui dalam lingkungan 50 meter daripada SK Nyatoh
5. Pegawai pegawai SPR (dari pejabat negeri negeri lain) mempunyai kelemahan dalam memahami peraturan untuk pilihan raya

CIRI PEMERHATIAN 3: HARI PEGUNDIAN BIASA & PENJUMLAHAN UNDI

PEMERHATIAN POSITIF

1. Bendera bendera parti telah dilarang dalam lingkungan 50 meter daripada pusat pengundian
2. Pegawai SPR berada di kebanyakan saluran telah membantu proses pemerhatian dan memberi penerangan untuk KTM dan kerani pengundian
3. Poskad SPR untuk pengundi telah membantu pengundi untuk mencari saluran
4. SPR dan pihak pegawai Pengurus telah menyediakan kereta golf atau buggy yang telah membantu pengundi untuk sampai ke saluran (SK Seliau, SJKC Chung Hua Rantau dan SJKT Rantau)

PEMERHATIAN NEGATIF

1. Proses pengutipan peti undi oleh KTM menghadapi beberapa masalah pada waktu pagi. Untuk Balai Raya Bemban, Penyelia SPR yang mempunyai kunci untuk balai tidak datang awal dan menyebabkan kelewatan untuk KTM membuat persiapan terakhir untuk pengundian
2. Beberapa kes kerani SPR tidak menyahkan nama pengundi telah dilaporkan
3. Pondok panas dijumpai masih ujuk dalam lingkungan 50 meter daripada pusat pengundian

4. Pengawai SPR enggan menurunkan/ menutupi lambang/ simbol parti politik (gambar Perdana Menteri dan Menteri Besar) dalam saluran atas alasan gambar-gambar tersebut adalah Menteri, bukan simbol politik.
5. Pada saluran 1, KTM terlalu sibuk membantu pengundi-pengundi dengan kerusi roda sehingga tiada masa untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada seluruh saluran. Salah satu insiden di SJKT Bandar Sri Sendayan berlaku di saluran 1 - salah seorang pengundi warga emas hampir meninggalkan saluran bersama dengan kertas undi. Di SJKC Chung Hua Rantau Saluran 1, KTM terlalu sibuk dengan pengundi OKU sehingga tidak dapat menumpukan perhatian kepada Ejen Tempat Mengundi yang menggunakan telefon bimbit semasa proses pengundian dijalankan.
6. Dewan orang ramai Taman Kelab Tuanku KTM di saluran 2 dan 3 tidak berperhatian kepada ETM, di mana mereka membuat catatan tambahan di kertas dan buku no. bil, yang melibatkan risiko rahsia di bawa keluar sebelum tamat masa mengundi. Saluran 2 KP1 tak memeriksa gambar Kad pengenalan sama ada sama dengan muka pengundi dan KP 2 tak ada periksa jari pengundi.
7. Dewan orang ramai di Taman Kelab Tuanku sebelum pengundian tutup ada penyokong parti membuat kacuan di pintu masuk utama. Pengawai SPR dan ketua penyedia tempat mengundi tidak mahir SOP ,seorang pemerhati memberitahu kena beri tahu polis yang berkuasa pertama untuk hentikan kekacauan dengan beri amaran merekodkan nombor plate motosikal penpunya yang kacau.
8. Sewaktu masa perjumplahan undi di SJKC Sendayan, ada ramai polis tapi tak nampak pegawai SPR bagi arahan trafik menyebabkan kereta triple park.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

1. Bagi pelantikan KTM, perlu ada garis panduan yang jelas daripada SPR. Ini termasuk samada seseorang itu pernah bertugas dalam PRU atau PRK sebagai KTM atau KP. Ini adalah kerana mengikut Peraturan 12 dari Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981 pelantikan seorang KTM adalah dibuat oleh pegawai pengurus tanpa memperuntukkan apa-apa syarat khusus atau garis panduan yang jelas.
2. Perlu ada lebih banyak latihan berbentuk 'role play' bagi membolehkan KTM yang telah dilantik, terutama sekali bagi mereka yang tiada pengalaman sebagai KTM atau KP.
3. Perlu ada kursus dan latihan khas bagi mereka yang dilantik sebagai KTM. Taklimat sehari yang sedia ada bagi KTM dirasakan tidak memadai terutama sekali bagi mereka yang tiada pengalaman berkhidmat sebagai KTM.
4. Buku kerja KTM patut diberikan lebih awal kepada semua KTM dan bukannya semasa semakan peti undi sehari sebelum pengundian. Pihak SPR sepatutnya membolehkan semua KTM yang telah dilantik untuk muat turun sampel buku kerja daripada laman web SPR supaya KTM mempunyai masa yang mencukupi untuk membaca serta memahami isi kandungan buku kerja KTM.
5. Pengagihan tugas antara KP1 dan KP2 patut (pengagihan tugas untuk pemeriksaan Kad Pengenalan dan jari) dilaksanakan untuk mengelakkan kelambatan dalam proses pengundian

6. Peraturan peraturan pilihan raya kerap dilanggar sewaktu masa kempen dan masa pengundian wajar diletakkan pada laman web SPR
7. SPR patut memberi cadangan perubahan peraturan pilihan raya kepada Parlimen Malaysia untuk menguasai SPR mengambil tindakan kepada pihak yang melanggar peraturan
8. SPR patut menyediakan petugas tambahan di Saluran 1 supaya dapat memantau keadaan apabila KTM sibuk berusan dengan pengundi OKU.

SEKIAN

DANESH PRAKASH CHACKO

PENASIHAT PEMETAAN

TINDAK MALAYSIA

22/4/2019

016 - 7960571